

A Isi tempat kosong di bawah ini dengan jawapan yang betul.

[20 markah]

Sejarawan
bumi

Biodata
Kepulauan
Beruas

asas
Bendahara
lisan

sejarah
Mesolitik

1. Menurut Ibn Khaldun, _____ menceritakan hal tentang manusia dan perbuatan-perbuatan yang berlaku dalam masyarakat tersebut.
2. Sumber _____ seperti rakaman boleh dijadikan sebagai sumber sejarah.
3. _____ menggunakan tiga kaedah utama untuk mendapatkan maklumat sejarah, iaitu kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah arkeologi.
4. _____ bermaksud maklumat ringkas diri seseorang seperti nama, jantina, nama ibu bapa, tarikh lahir dan tempat dilahirkan.
5. Keluarga _____ terdiri daripada bapa, ibu, dan anak-anak.
6. Zaman Air Batu merupakan zaman ketika air batu menutupi permukaan _____.
7. _____ Melayu terdiri daripada Tanah Melayu, Sumatera, Pulau Jawa, Pulau Borneo, Sulawesi, Mindanao, Palawan, Luzon, Visayas, Cebu dan Ternate.
8. Zaman _____ berlaku antara Zaman Paleolitik dan Zaman Neolitik.
9. Kerajaan _____ wujud sekitar abad ke-15 masihi selepas kemerosotan Gangga Negara.
10. Tun Perak merupakan _____ yang paling lama berkhidmat.